



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan. Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia untuk berkongsi pendapat anda dengan kami dari semasa ke semasa.

06.01.2023

❖ Se jauh manakah anda mengenali diri anda dan siapakah persona yang anda idamkan?

Tiada manusia dijadikan serupa kerana kita mempunyai personaliti tersendiri. Apabila menyentuh tentang pelaburan, personaliti kita merujuk kepada profil risiko kita yang mungkin dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti umur, sejarah kewangan, pengalaman peribadi, keadaan dan matlamat pelaburan.

Seringkali kita melihat segelintir pelabur kerap membeli dan menjual saham dengan meniru tindakan pelabur lain. Mereka terdiri daripada pelabur sibuk yang taksub dengan pasaran ekuiti. Berbekalkan pandangan mata burung terhadap pasaran, mereka terus bertindak dengan mengikuti trend pelaburan yang popular. Saudara mara mereka juga mungkin pedagang harian yang berdagang setiap hari untuk mencari rezeki atau pelabur teknikal yang berdagang berdasarkan arah aliran dan corak harga pada carta yang berubah dengan pantas. Mereka meraikan keupayaan mereka untuk masuk dan keluar dari pasaran demi mendapatkan wang dengan cepat. Inilah kumpulan yang mencipta volum dalam pasaran ekuiti.

Kata pepatah lama, tamak biarlah bertempat. Pulangan tinggi berisiko tinggi dan 'beli apabila mendengar khabar angin, jual apabila berita disiarkan' adalah pemikiran dan personaliti spekulator. Mereka gemar memperjudikan pelaburan spekulatif dan melabur untuk keseronokan. Lazimnya, mereka adalah pelabur emosi yang cenderung membuat keputusan pelaburan yang didorong oleh emosi secara mendadak. Mereka sering membuat keputusan pelaburan yang cepat tetapi kemudiannya menyesal. Turun naik dalam pasaran adalah disebabkan oleh kumpulan pelabur seperti mereka. Peter Lynch pernah berkata, "walaupun kita seringkali terlupa, saham bukanlah tiket loteri, sebaliknya ia adalah sebahagian daripada pemilikan perniagaan".

Selain itu terdapat juga ahli fundamental yang menganalisis kesihatan kewangan dan daya maju perniagaan sebelum melabur dalam sesebuah syarikat. Mereka adalah pelabur nilai yang memilih syarikat yang diurus dengan baik dengan perniagaan yang semakin berkembang, hutang yang rendah, aliran tunai yang sihat, kunci kira-kira yang kukuh serta tatakelola yang baik. Mereka berusaha untuk

membeli saham pada penilaian yang lebih rendah dan menjual pada penilaian yang lebih tinggi - idealnya, pada nilai intrinsik. Mereka berbeza daripada pelabur yang memasuki pasaran secara tergesa-gesa apabila harga saham berada dalam aliran menaik dan menjual dalam keadaan panik apabila harga menurun. Pelabur jenis pertama biasanya pelabur bermaklumat yang telah meneliti latar belakang syarikat dengan berhati-hati sebelum membeli saham.

Warren Buffett pernah berkata "Kualiti paling penting bagi seseorang pelabur adalah perangai dan bukannya daya fikir". Kita boleh menjadi tidak rasional dan tergoda untuk menjual beli apabila pasaran menentang kita. Pelabur yang tenang yang belajar untuk tidak bergantung kepada pasaran adalah orang yang mendapat pulangan paling banyak dalam jangka masa yang lebih panjang.

Sudahkah anda mengenali diri anda? Gaya pelaburan kita mungkin berubah-ubah sepanjang hayat. Ciri-ciri dan personaliti seseorang individu boleh memberi kesan kepada keputusan dan hasil pelaburan mereka. Memahami personaliti pelaburan kita boleh membantu mengelakkan perangkap emosi serta berpegang pada matlamat jangka panjang. Sifat tamak, takut, kurang sabar, terlalu yakin dan sifat peribadi yang lain boleh menghalang kita daripada menjadi pelabur yang berjaya dalam pasaran saham.

Tanpa mengira personaliti pelaburan semasa atau yang anda cita-citakan, marilah kita mulakan tahun ini dengan melihat secara mendalam matlamat pelaburan jangka panjang kita dan merancang dengan sewajarnya. Selamat tahun baru dan semoga menjadi pelabur yang berjaya pada tahun 2023!

Elaine Choo
Pengurus, Pemantauan Korporat

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 9 hingga 13 Januari 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
09.01.23 (Isnin) 10.00 pagi	NWP Holdings Berhad (EGM)	Syarikat membentangkan cadangan kepelbagaian perniagaan termasuk perlombongan pasir, perdagangan dan eksport pasir serta aktiviti perniagaan yang berkaitan.
09.01.23 (Isnin) 11.00 pagi	Poh Kong Holdings Berhad (AGM)	Pendapatan Poh Kong bagi tahun kewangan 2022 berjumlah RM1.36 bilion, iaitu 51% lebih tinggi berbanding RM903.10 juta pada tahun lepas, didorong oleh

		<p>permintaan emas yang stabil dan harga runcit emas yang lebih tinggi.</p> <p>Untung bersihnya meningkat 151% kepada RM92.19 juta daripada RM36.76 juta setahun sebelumnya, disebabkan margin yang lebih baik berikutan harga runcit emas yang lebih tinggi.</p>
09.01.23 (Isnin) 02.30 petang	UWC Berhad (AGM)	<p>UWC mencapai rekod pendapatan tertinggi berjumlah RM345.6 juta bagi tahun kewangan 2022, dengan pertumbuhan dua angka yang kukuh sebanyak 21.3% berbanding tahun kewangan 2021. Prestasi pendapatan yang kukuh ini disokong oleh permintaan yang teguh untuk semikonduktor yang memacu pertumbuhan pendapatan UWC melalui jumlah pesanan dan cadangan nilai yang dinaik taraf.</p> <p>Berikutan itu, untung bersihnya meningkat 16.7% kepada RM106.8 juta.</p>
11.01.23 (Rabu) 10.00 pagi	Asdion Berhad (EGM)	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan penyelesaian hutang yang melibatkan RM16.4 juta yang terhutang kepada pemiutang tertentu. Jumlah yang terhutang kepada pemiutang tertentu Asdion ini akan dilunaskan melalui penerbitan 67.67 juta Saham Keutamaan Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus baharu (<i>Irredeemable Convertible Preference Shares, ICPS</i>) pada harga 4 sen setiap satu dan 171.27 juta saham biasa baharu pada harga 8 sen setiap satu.</p> <p>Ia juga mencadangkan untuk meminda Perlembagaan syarikat bagi memudahkan penerbitan ICPS yang bertujuan menyelesaikan hutang.</p>
11.01.23 (Rabu) 10.00 pagi	Concrete Engineering Products Berhad (AGM)	<p>Prestasi kewangan CEPCO pada tahun kewangan 2022 menunjukkan peningkatan yang ketara dengan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM148.28 juta berbanding</p>

		<p>RM84.84 juta pada tahun kewangan sebelum ini.</p> <p>Oleh yang demikian, ia mencatatkan untung sebelum cukai berjumlah RM510,000 berbanding rugi sebelum cukai sebanyak RM16.82 juta pada tahun kewangan 2021.</p>
11.01.23 (Rabu) 10.30 pagi	Trive Property Group Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan menyusut sedikit kepada RM9.7 juta (tahun kewangan berakhir 2021: RM9.8 juta) terutamanya disebabkan oleh jualan yang lebih rendah daripada bahagian solar. Bahagian solar merupakan penyumbang pendapatan terbesar yang menyumbangkan kira-kira 80% kepada pendapatan keseluruhan Kumpulan.</p> <p>Ia mencatatkan untung bersih berjumlah RM12.9 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding rugi bersih sebanyak RM58.4 juta disebabkan oleh pembalikan rosot nilai berjumlah RM16.0 juta.</p>
11.01.23 (Rabu) 11.00 pagi	Johan Holdings Berhad (AGM)	<p>Johan mengalami kerugian pada tahun kewangan 2022 dengan rugi bersih berjumlah RM16.94 juta berbanding untung bersih sebanyak RM161.06 juta dalam tempoh kewangan 18 bulan yang berakhir 31 Julai 2021 disebabkan keuntungan tidak berulang daripada pelupusan perniagaan yang dicatatkan pada tempoh kewangan lepas.</p> <p>Tambahan pula, pendapatannya lebih rendah iaitu berjumlah RM22.04 juta berbanding RM49.11 juta yang dicatatkan dalam tempoh kewangan berakhir 2021.</p> <p>Syarikat terlibat dalam perniagaan pengilangan sarung tangan, hospitaliti dan perdagangan.</p>
12.01.23 (Khamis) 10.00 pagi	KESM Industries Berhad (AGM)	<p>Walaupun mencatatkan jumlah pengeluaran yang lebih tinggi bagi ujian dan bakar mula peranti semikonduktor, pendapatan KESM merosot sedikit kepada RM246.7 juta (2021: RM248.3 juta).</p>

		Bagaimanapun, untung bersihnya merosot sebanyak 77% tahun ke tahun kepada RM1.7 juta (2021: RM7.3 juta). Penurunan perkhidmatan pengilangan elektronik memberi kesan yang ketara terhadap prestasi keseluruhannya.
12.01.23 (Khamis) 10.30 pagi	Astino Berhad (AGM)	<p>Astino mencatatkan pendapatan berjumlah RM613 juta pada tahun kewangan 2022, dengan peningkatan 5.7% berbanding RM580 juta pada tahun kewangan 2021, terutamanya disebabkan oleh harga jualan purata yang lebih tinggi.</p> <p>Walau bagaimanapun, margin keuntungannya telah dipengaruhi oleh kos barangan dijual yang lebih tinggi serta penurunan nilai inventori kepada nilai boleh direalisasi bersih, menghasilkan untung sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak RM64 juta pada tahun tersebut.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara / Isu penting untuk diketengahkan
Poh Kong Holdings Berhad (AGM)	Tahun kewangan 2022 merupakan tahun yang cemerlang apabila Poh Kong mencatatkan keputusan yang memecahkan rekod sejak penyenaiaannya pada tahun 2004 (halaman 42, Laporan Tahunan bagi tahun kewangan 2022). Walau bagaimanapun, nisbah pembayaran dividen sebanyak 10.2% bagi tahun kewangan 2022 adalah yang paling rendah dalam tempoh 10 tahun yang lalu iaitu antara 10.2% dan 37.3%. Mengapakah nisbah pembayaran dividen bagi tahun kewangan 2022 agak rendah berbanding nisbah purata walaupun kumpulan mencatatkan prestasi yang memecahkan rekod bagi tahun berkenaan?
UWC Berhad (AGM)	<p>Dengan peningkatan tempahan dan permintaan untuk sebut harga daripada pelanggan sedia ada dan bakal pelanggan, UWC perlu mengembangkan kapasiti pengeluarannya. Ini termasuklah membangunkan kilang baharu di Taiping dan Batu Kawan.</p> <p>a) Berapakah jumlah kapasiti kumpulan pada 31 Julai 2022?</p> <p>b) Berapakah kadar penggunaan kapasiti purata kumpulan bagi tahun kewangan 2022?</p>

	<p>c) Berapakah kapasiti tambahan yang disumbangkan oleh kilang baharu di Taiping dan Batu Kawan kepada kumpulan?</p> <p>d) Apakah rasional kumpulan untuk mendirikan kilang di Taiping dan bukannya di Pulau Pinang yang mana ia lebih dekat dengan ibu pejabat kumpulan dan dalam lingkungan hab elektrik dan elektronik di Pulau Pinang?</p> <p>e) Berapakah perbelanjaan modal yang dibajetkan bagi tahun kewangan 2023?</p>
<p>Concrete Engineering Products Berhad (AGM)</p>	<p><u>Pendapatan Mengikut Geografi</u></p> <p>Seperti yang dilaporkan di halaman 99 dalam Laporan Tahunan 2022, tiada pendapatan direkodkan daripada pelanggan di Afrika pada tahun kewangan 2022 (2021: RM2,050,451), manakala pendapatan daripada pelanggan Asia Tenggara menyusut kepada RM15,789,912 pada tahun kewangan 2022 daripada RM19,022,2013 pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Sebahagian besar pendapatan Kumpulan diperolehi daripada pelanggan di Malaysia, yang menyumbangkan 89.35% (RM132,486,673/ RM148,276,585) daripada jumlah pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2022.</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan tiada pendapatan diperolehi daripada pelanggan Afrika dan penyusutan pendapatan daripada pelanggan Asia Tenggara?</p> <p>b) Adakah Kumpulan mempunyai rancangan untuk mempelbagaikan pendapatannya mengikut lokasi geografi dalam dua tahun kewangan akan datang? Jika ya, apakah pasaran yang disasarkan?</p> <p>c) Apakah prospek pendapatan Kumpulan daripada pasaran eksport pada tahun kewangan 2023?</p>
<p>Trive Property Group Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan daripada bahagian hartanah meningkat daripada RM1.5 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Julai 2021 kepada RM2.0 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Julai 2022, hasil daripada peningkatan dalam pendapatan sewa bagi Persoft Tower. (halaman 9, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Apakah kadar penghunian semasa bagi Persoft Tower berbanding tahun kewangan berakhir 31 Julai 2022 dan tahun kewangan berakhir 31 Julai 2021?</p>
<p>Johan Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Bagi tahun kewangan 2022, Johan mencatatkan pendapatan berjumlah RM22.04 juta dan kerugian bersih sebanyak RM16.94 juta. Sebagai perspektif, kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM49.11 juta dan keuntungan bersih berjumlah RM161.06 juta dalam tempoh kewangan 18 bulan berakhir 31 Julai 2021.</p>

	<p>Walau bagaimanapun, keuntungan yang dicatatkan dalam tempoh kewangan berakhir 2021 adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh keuntungan tidak berulang daripada pelupusan perniagaan kad. Jika tidak, kumpulan akan mencatatkan kerugian berjumlah RM39.16 juta daripada operasi yang masih berterusan.</p> <p>Di samping itu, Johan mencatatkan kerugian daripada operasi yang masih berterusan dalam tiga daripada lima tempoh kewangan yang lalu (halaman 29, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Sehingga 31 Julai 2022, jumlah ekuiti pemegang saham Syarikat berjumlah RM228.99 juta berbanding jumlah modal saham iaitu RM413.67 juta, menjadikan nisbah ekuiti kepada modal sebanyak 55.33%.</p> <p>a) Bilakah prestasi Kumpulan akan berubah dan menjana keuntungan? Apakah langkah yang sedang dilaksanakan untuk memulihkan perniagaan yang merugikan ini?</p> <p>b) Bahagian penjagaan kesihatan (pembuatan sarung tangan) dijangka berdepan cabaran pada tahun 2023. Bagaimanakah bahagian hospitaliti dan perdagangan akan meningkatkan prestasi kewangan Johan secara keseluruhan?</p>
KESM Industries Berhad (AGM)	<p>Penurunan inventori meningkat kepada RM1.4 juta berbanding RM0.1 juta pada tahun kewangan 2021 (halaman 70, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Apakah jenis inventori yang telah diturunkan nilai ini? Berapakah jumlah inventori yang telah diturunkan nilai ini masih boleh dijual/ boleh digunakan?</p>
Astino Berhad (AGM)	<p>Kumpulan merekodkan penurunan nilai inventori kepada nilai yang boleh direalisasikan bersih yang lebih tinggi berjumlah RM16.6 juta pada tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: RM10.6 juta) dan ini menghakis margin keuntungan (Halaman 5, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan Kumpulan merekodkan penurunan nilai inventori yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Adakah mana-mana bahagian daripada inventori yang telah diturunkan nilai sebanyak RM16.6 juta ini boleh dibalikkan pada tahun kewangan 2023? Jika ya, berapakah jumlah pembalikan yang dijangkakan?</p> <p>c) Melihat dari sudut pengurusan inventori, apakah yang sedang dilakukan untuk mengurangkan keperluan penurunan nilai ini?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.